

ABSTRACT

EFFECTIVENESS OF JIGSAW COOPERATIVE LEARNING STRUCTURES ON SECONDARY ONE STUDENTS' ICTL ACHIEVEMENT

Corinna Wong See Hung

This study was designed to investigate the effectiveness of the Jigsaw learning on the Information, Communication and Technology Literacy achievement of Secondary One students as compared to the traditional teaching method. The research design used in this study was the quasi experimental design, where pretest and posttest were used. Forty-six secondary one students from SMK Kampung Nangka, Sibul, 15 male students and 31 female students participated in this study. The samples were divided into two groups, with 22 students in the treatment group, which was the Jigsaw group, and 24 students in the control group, which was the traditional group. Subjects had to answer the researcher developed ICTL assessment on chapter Spreadsheet Software and a set of questionnaire before and after the teaching to measure achievement, attitudes toward ICTL, and perceptions of the instructional approaches. Data analyses were conducted using the descriptive statistics to obtain the mean scores and standard deviation, as well as 3-Way ANOVA to test the research hypotheses. The results showed that students in the Jigsaw group had significantly higher ICTL achievement than the students in the traditional group. Also, the students in the Jigsaw group showed significant more positive attitudes toward ICTL and perceptions of instructions compared to the students in the traditional group. However, there was no significant difference in students' ICTL achievement, attitudes toward ICTL and perceptions of instructions between male and female students, as well as between students who own and who do not own a computer. The implementation of Jigsaw cooperative learning structures had positive impacts on ICTL achievement, attitudes toward ICTL and perceptions of instructional approaches of Secondary One students in SMK. Kampung Nangka, Sibul.

ABSTRAK

KEBERKESANAN PEMBELAJARAN KOOPERATIF JIGSAW YANG BERSTRUKTUR KE ATAS PENCAPAIAN LITERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICTL) PELAJAR TINGKATAN SATU: PERISIAN HAMPARAN KERJA

Corinna Wong See Hung

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran kooperatif Jigsaw ke atas pencapaian Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTL) pelajar Tingkatan Satu berbanding dengan teknik mengajar yang tradisi. Kajian ini dilaksanakan secara kuasi-eksperimen, dan reka bentuk pra dan pascaujian. Sampel kajian telah dipilih dalam kalangan pelajar Tingkatan Satu yang mengikuti kelas ICTL di SMK. Kampung Nangka, Sib. Seramai 46 pelajar termasuk 15 pelajar lelaki dan 31 pelajar perempuan dipilih sebagai responden. Sampel kajian telah dibahagi kepada dua kumpulan, dengan 22 pelajar dalam kumpulan yang menerima rawatan, iaitu kumpulan Jigsaw, dan 24 pelajar dalam kumpulan kawalan, iaitu kumpulan Tradisi. Responden dikehendaki menjawab ujian ICTL dalam topik Perisian Hamparan Kerja yang direka oleh pengkaji dan satu set soal selidik sebelum dan selepas proses pengajaran untuk mengkaji tahap pencapaian, sikap terhadap ICTL dan perseksi terhadap teknik mengajar yang telah digunakan. Analisis data dilaksanakan dengan menggunakan statistik deskriptif seperti skor min dan sisihan piawai dan juga statistik 3-Way ANOVA untuk menguji hipotesis pada paras 0.05. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian dalam kalangan pelajar kumpulan tradisi dan pelajar kumpulan Jigsaw. Pelajar dalam kumpulan Jigsaw adalah lebih baik berbanding dengan kumpulan tradisi. Di samping itu, pelajar dalam kumpulan Jigsaw juga menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi sikap terhadap ICTL dan perseksi terhadap teknik mengajar berbanding dengan kumpulan tradisi. Sikap terhadap ICTL dan perseksi terhadap teknik mengajar yang lebih positif telah ditunjukkan oleh pelajar dalam kumpulan Jigsaw. Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan perempuan, dan antara pelajar yang mempunyai komputer dengan yang tidak mempunyai komputer. Sebagai penutup, implementasi pembelajaran kooperatif Jigsaw dalam proses pengajaran dan pembelajaran meningkatkan pencapaian, sikap dan perseksi terhadap teknik mengajar pelajar dalam mata pelajaran ICTL.